

28 AUG 1997

Mahathir-Semerak

MAHATHIR BERUCAP PADA PERHIMPUNAN RAKYAT DI SEMERAK, ESOK

KOTA BAHARU, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berucap pada Perhimpunan Rakyat yang dijangka dihadiri 20,000 orang di Sekolah Menengah Cherang Ruku, Semerak, Pasir Puteh esok.

Pada perhimpunan itu Dr Mahathir juga akan menerima deklarasi hasil konvensyen Umno Kelantan yang diadakan selama dua hari mulai hari ini.

Menurut aturcara yang dikeluarkan Jabatan Penerangan hari ini, Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadual tiba di lapangan terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa pukul 3.45 petang.

Ketibaan beliau akan disambut oleh pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional termasuk Pengerusi BN Kelantan Datuk Annuar Musa serta Naib Pengerusi BN Kelantan Datuk Mustapa Mohamad.

Dr Mahathir akan bertolak ke Pasir Puteh dengan kereta sejauh 45 km. Sebanyak 778 buah motosikal dan 43 buah kereta Produa Kancil akan menunggu beliau di pekan Pasir Puteh dan akan berarak mengiringinya ke Sekolah Menengah Cherang Ruku, Semerak sejauh kira-kira 20 km.

Setibanya di sekolah itu, beliau akan disambut dengan acara tradisi seperti seni silat dan pukulan rebana.

Yang akan turut berucap pada perhimpunan itu ialah Annuar dan Anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan Kawasan Semerak Kamaruddin Mohd Noor.

Kamaruddin telah memenangi pilihan raya kecil kawasan itu pada 11 Ogos lepas dengan majoriti 778 undi, mengalahkan calon Pas Wan Mohd Fauzi Wan Hussain dan calon Angkatan Keadilan Insan Malaysia Mohd Din Nizam Din.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 7 malam. -- BERNAMA

BD NMO